

KONSEP PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Wan Abdul Fattah Wan Ismail (**Corresponding author**)*

Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6012-225 1971, E-Mel: wanfattah@usim.edu.my

Syh NoorulMadihah Syed Husin

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu,
Malaysia.

Tel: +6012-958 8406, E-Mel: madihah@unisza.edu.my

Ahmad Syukran Baharuddin

Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6013-200 1876, E-Mel: ahmadsyukran@usim.edu.my

Lukman Abdul Mutalib

Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6019-211 6145, E-Mel: lukman@usim.edu.my

Zulfaqar Mamat

Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6013-665 7573, E-Mel: zulfaqar@usim.edu.my

Mohamad Aniq Aiman Alias

Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6013-354 9035, E-Mel: aniqalias@raudah.usim.edu.my

Abstrak

Perkahwinan adalah salah satu ibadah dan ia nya merupakan asas kepada kewujudan sesebuah keluarga, masyarakat dan seterusnya pembentukan negara. Selain itu, perkahwinan juga adalah suatu tuntutan agama dalam meraikan fitrah semula jadi penciptaan manusia untuk hidup secara berpasang-pasangan. Dalam Islam, setiap pasangan yang ingin berkahwin perlulah mengetahui akan syarat-syarat, rukun-rukun dan hal-hal berkaitan dengan perkahwinan agar ikatan perkahwinan yang

dibina sah di sisi Syarak dan undang-undang. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan konsep perkahwinan menurut *fiqh* dan perundangan Islam, pensyariatan perkahwinan menurut *fiqh*, hukum berkahwin, perbahasan berkenaan rukun dan syarat-syarat nikah menurut *fiqh* dan perundangan Islam dan beberapa isu-isu terpilih dalam bab perkahwinan seperti perwalian, poligami dan faraq juga turut dibincangkan. Diharapkan kertas kerja ini akan memberi pendedahan sewajarnya berkaitan konsep perkahwinan menurut *fiqh* dan perundangan Islam, dan perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan bab perkahwinan.

Kata kunci: perkahwinan, *fiqh*, Syarak, perundangan Islam

Pengenalan

Perkahwinan adalah salah satu tuntutan agama yang meraikan fitrah semula jadi penciptaan manusia untuk hidup secara berpasang-pasangan (Wan Ismail et al., 2018). Ia nya juga satu perkara yang disyorkan oleh Al-Quran dan hadis dan perhubungan antara suami isteri adalah disebut sebagai satu rahmat dan tanda kebesarannya. Firman Allah S.W.T:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْسِكُمْ أَرْوَاحًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِّرُونَ﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk mu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.

(Surah Rum, 30:21)

Selain itu, Nabi Muhammad S.A.W sangat menggalakkan pemuda-pemuda yang mampu untuk menjaga isteri supaya berkahwin kerana mampu mengawal pandangan dan mencegah perbuatan keji dan mungkar. Rasulullah S.A.W juga menyebut dan menasihati mereka yang tidak mampu supaya berpuasa sunat sebagai salah satu cara untuk mengawal nafsu. Sabda Rasulullah S.A.W:

«يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغَضُ لِلْبَصَرِ وَأَحْسَنُ لِلْفُرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ»

Maksudnya: “Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu (pembentukan) berkahwin, maka bernikah lah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)”

(Riwayat al-Bukhari No. 5065 dan Muslim No. 3466)

Kertas kerja ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan konsep

perkahwinan menurut *fiqh* dan perundangan Islam, hukum berkahwin, rukun dan syarat nikah menurut *fiqh* dan perundangan Islam dan beberapa isu-isu terpilih dalam perkahwinan.

Konsep Perkahwinan Menurut *Fiqh* dan Perundangan Islam

Perkahwinan merujuk kepada perkataan al-nikah dalam Bahasa Arab memberi beberapa makna secara literal. Ia bermaksud bersatu (*al-dhamm*) dan bercantum (*al-jam'*) (al-Bujairimi, t.t), yang menggambarkan kesatuan dan percantuman antara dua benda atau perkara. Ia juga merupakan satu ibarat perkataan yang digunakan untuk tujuan menggambarkan perlakuan persetubuhan (*al-wati'*) (al-Sarakhsyi, 1989) atau sebenar-benar jimat (*al-tadakhul*) (al-Zurqani, 1959). Dari sudut *fiqh* pula, perkahwinan merujuk kepada sejenis akad yang boleh menghalalkan hubungan di antara seorang lelaki dan perempuan untuk bersedap-sedapan atau bermesra (*istimta'*) (Al-Zuhaili, 1997) dengan rukun dan syarat yang tertentu (Al-Hisni, t.t.) serta menggunakan lafaz *inkah*, *tazwij* atau terjemahan kepada dua perkataan tersebut (Al-Syatiri, 2020). Definisi ini menggambarkan akad perkahwinan yang menyatukan antara seorang lelaki dan perempuan membolehkan setiap pasangan untuk mengambil manfaat dengan pasangan masing-masing dengan cara saling bermesra untuk mencapai keseronokan sesama mereka.

Penggunaan perkataan nikah dalam kalangan orang Arab merujuk kepada akad dan persetubuhan. Namun makna sebenar (hakikat) perkataan ini yang digunakan oleh mereka adalah merujuk kepada akad. Walaupun begitu, ia turut digunakan dengan makna pinjaman (*majazi*) yang membawa maksud persetubuhan (Al-Shirbini, 1994). Perkahwinan bukan sahaja digunakan dalam kalangan orang Arab sebagai al-nikah, bahkan juga dengan perkataan *al-zawaj*. Dari segi bahasa, *al-zawaj* merujuk kepada gandingan (*al-iqtiran*) dan percampuran (*al-ikhtilat*). Manakala dari segi syarak ia bermaksud pernikahan atau perkahwinan yang merujuk kepada maksud yang disebutkan sebelum ini. Hal ini menunjukkan perkataan *al-nikah* dan *al-zawaj* digunakan pada makna syarak dengan maksud yang sama. Kedua-duanya merujuk kepada sejenis akad yang disempurnakan antara seorang lelaki dan perempuan dengan syarat-syarat yang tertentu dan menghasilkan beberapa kesan yang tertentu (Al-Zuhaili, 2015). Fakta ini turut dinyatakan oleh Mustafa Abd al-Ghayy (2001) apabila menyatakan lafaz *al-nikah* dan *al-zawaj* memberi satu makna syarak yang sama. Beliau menyatakan perkataan *al-nikah* merujuk kepada pengharusan bersetubuh sama ada dengan menggunakan perkataan *al-nikah* atau *al-tazwij*. Begitu juga keadaannya perkataan *al-nikah* merujuk kepada sejenis akad seperti yang disebut sebelum ini sebagai mana maksud perkataan *al-zawaj*.

Jika dilihat dari sudut perundangan pula, perkahwinan dalam undang-undang Islam ialah satu kontrak sivil yang boleh diadakan tanpa apa-apa istiadat. Perkahwinan diadakan dari segi undang-undang dengan tawaran yang dibuat oleh sesuatu pihak dan penerimaan oleh pihak yang satu lagi (Ahmad Ibrahim, 1999). Perkahwinan dalam Islam yang lebih bersifat kontrak sivil daripada upacara keagamaan adalah kerana ia berdasarkan *ijab* dan *qabul* antara pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, ia nya adalah suatu perkara yang sangat disyorkan oleh Al-Quran dan sunah, dan hubungan antara suami isteri itu adalah salah satu rahmat dan tanda kebesaran Allah kepada manusia.

Pensyariatan Perkahwinan Menurut *Fiqh*

Perkahwinan merupakan sesuatu yang disyariatkan dalam Islam. Ia diharuskan dan dituntut untuk dilaksanakan (Al-Zuhaili, 2015) oleh individu Muslim berdasarkan sumber al-Quran, hadis dan ijmak ulamak sebagai mana berikut:

i. Al-Quran

Firman Allah SWT:

(فَإِنْكُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَتْنَىٰ وَثُلُثٌ وَرُبْعٌ)

Maksudnya: “Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat”.

(Surah Al-Nisa’, 4:3)

ii. Hadis

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ: قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَرْوَجْ، فَإِنَّهُ أَعْضُّ لِلْبَصَرِ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ".

Maksudnya: Dari Abdullah Ibn Mas'ud, berkata Rasulullah SAW kepada kami: “Wahai sekalian pemuda, siapa di antara kamu yang mampu untuk berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan. Barang siapa yang tidak berkemampuan, hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi benteng diri.”

(Riwayat al-Bukhari No. 5065 dan Muslim No. 3466)

iii. Ijmak

Perkahwinan telah disyariatkan seawal pada zaman nabi Adam AS. Pensyariatan tersebut diteruskan pada semua zaman kenabian (Al-Zuhaili 2015, 4: 15), bahkan akan berterusan hingga ke syurga (Al-Shirbini 1994, 4: 201).

Hukum Berkahwin

Fuqaha mazhab Syafi'i menyatakan bahawa hukum asal berkahwin adalah sunat (Al-Jaziri, 1999). Asasnya adalah kerana perkahwinan berkait rapat dengan keinginan nafsu manusia secara fitrah (Al-Zuhaili, 2015). Setiap manusia mempunyai keinginan secara semula jadi untuk berpasang-pasangan. Hukum berkahwin yang asal ini boleh berubah kepada hukum lain bergantung kepada situasi atau keadaan individu yang ingin berkahwin. Hal ini bermakna setiap individu Muslim mempunyai hukum berkahwin yang berbeza di antara satu sama lain,

sekiranya keadaan dan situasi mereka berbeza. Fuqaha telah menjelaskan hukum ini seperti mana berikut:

i. **Sunat**

Bagi seseorang yang kecenderungan dan keinginannya untuk berkahwin berada dalam keadaan sederhana yang mana dia tidak khuatir dirinya akan terjebak dalam perkara maksiat sekiranya dia tidak berkahwin pada ketika itu. Dia juga tidak khuatir akan menzalimi pasangannya sekiranya berkahwin. Pada masa yang sama, dia juga mempunyai kemampuan untuk menyediakan bekalan perkahwinan seperti mas kahwin dan nafkah (Mustafa Abd al-Ghayy, 2001).

ii. **Wajib**

Bagi seseorang yang mempunyai kemampuan untuk berkahwin dari aspek penyediaan harta seperti mas kahwin dan nafkah, mempunyai keinginan nafsu yang tinggi untuk berkahwin dan berkeyakinan sekiranya dia tidak berkahwin pada waktu itu, keadaannya itu boleh mengundang kepada berlakunya perkara yang membawa kepada kebinasaan seperti berzina dan sebagainya (Mustafa Abd al-Ghayy, 2001). Individu seperti ini yakin bahawa tiada cara lain yang boleh menyelamatkan dirinya daripada jatuh dalam lembah kebinasaan meskipun melalui ibadat puasa (Al-Zuhaili, 1997) melainkan hanya dengan berkahwin sahaja (Al-Jaziri, 1999).

iii. **Makruh**

Bagi seseorang yang khuatir tidak akan melaksanakan tanggung jawab sebagai pasangan rumah tangga dalam memberi hak kepada pasangannya. Keadaan ini merangkumi bagi seorang perempuan yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dan juga tidak berhajat untuk mendirikan rumah tangga. Bahkan dia tidak merasa khuatir akan berlakunya kebinasaan berbentuk maksiat sekiranya dia tidak berkahwin pada waktu itu. Begitu juga bagi seorang lelaki yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dalam keadaan tidak berkemampuan untuk menyediakan mas kahwin dan nafkah (Al-Jaziri, 1999). Dimakruhkan juga berkahwin bagi seseorang yang meskipun berkemampuan dari aspek penyediaan harta seperti mas kahwin dan nafkah, tetapi mempunyai penyakit yang boleh menghalang dirinya untuk bersekedudukan dengan isterinya seperti penyakit-penyakit yang diharuskan untuk tuntutan fasakh (Baafdhah, t.t.).

Untuk mazhab Hanbali, bagi seseorang yang tidak mempunyai kemampuan untuk berkahwin dari aspek penyediaan harta dan melaksanakan urusan yang dipertanggungjawabkan dalam perkahwinan. Individu ini juga berkeyakinan sekiranya berlaku perkahwinan, dia akan menzalimi isteri yang dinikahi nya sama ada dari aspek penganiayaan secara zahir mahupun batin. Antara situasi yang menggambarkan keadaan ini adalah termasuk seorang lelaki yang yakin sekiranya dia berkahwin, dia tidak mampu untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya (Al-Zuhaili, 1997).

Rukun dan Syarat Nikah Menurut *Fiqh* dan Perundangan Islam

Bagi mengesahkan perkahwinan antara pasangan yang berkahwin dari perspektif syarak, setiap perkahwinan itu perlu dipastikan memenuhi lima rukun juga berserta syarat bagi setiap rukun tersebut. Selain daripada memenuhi rukun dan syarat, bagi pasangan Melayu Muslim yang ingin berkahwin di Malaysia, pasangan juga perlu diakadnikahkan mengikut Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri masing-masing (Noor Aziah, 2006). Berikut dinyatakan lima rukun perkahwinan dan syarat-syaratnya yang ditetapkan dalam *fiqh* kekeluargaan:

i. Akad ijab dan qabul

Akad atau disebut sebagai *sighah* yang terdiri dari lafaz ijab dan qabul (Mohamad Som & Abdul Basir, 2009) merupakan lafaz yang menggambarkan persetujuan dan keredhaan daripada kedua belah pihak yang berakad terhadap sesuatu (Mustafa Abd al-Ghayy, 2001). Rukun ini amat penting dalam pembentukan perkahwinan kerana keredhaan daripada pihak yang berakad merupakan satu perkara yang lahir daripada hati dan tersembunyi yang perlu kepada satu kenyataan yang lebih jelas berbentuk lafaz (Al-Zuhaili, 2015).

Menurut jumhur fuqaha, ijab merujuk kepada lafaz daripada pihak wali perempuan atau wakil kepada wali tersebut, manakala qabul pula merujuk kepada lafaz persetujuan untuk berkahwin daripada calon suami (Al-Zuhaili, 1997). Walaupun begitu akad perkahwinan masih dikira sah sekiranya kedudukan lafaz tersebut berlaku sebaliknya, iaitu ijab daripada calon suami dan qabul daripada pihak wali perempuan (Al-Zuhaili, 2015). Contoh lafaz ijab yang paling ringkas daripada seorang wali ialah dengan berkata “*aku nikah akan dikau dengan anak perempuanku*”, manakala contoh lafaz qabul yang paling ringkas daripada calon suami pula adalah “*aku terima nikahnya*” (Baafdh, t.t.). Adapun di Malaysia, lafaz ijab yang sering dilafazkan oleh pihak wali atau wakil wali adalah “aku nikahkan engkau dengan Fulanah binti Fulan denganmas kahwinnya lapan puluh ringgit tunai”. Manakala jawapan qabul daripada pihak calon suami pula “*aku terima nikahnya Fulanah binti Fulan dengan mas kahwin lapan puluh ringgit tunai*” (Mohamad Som & Abdul Basir, 2009).

Dalam menentukan pengesahan akad, beberapa syarat perlu dipenuhi iaitu:

- a. Menggunakan lafaz khas iaitu perkataan *tazwij* dan *inkah* atau mana-mana perkataan yang berdasarkan daripada dua lafaz tersebut secara jelas dan nyata;
- b. Lafaz ijab dan qabul hendaklah diucapkan secara bersambung tanpa tiada sebarang pemisah di antara keduanya, kecuali dalam tempoh yang terlalu pendek seperti dipisahkan dengan tarikan nafas, bacaan bismillah dan sebagainya;
- c. Kelayakan sebagai wali dan calon suami kekal sehingga akad sempurna dengan selesainya lafaz qabul;
- d. Lafaz akad tidak terikat dengan apa-apa syarat mendatang seperti dikaitkan dengan ketibaan bulan tertentu;

- e. Lafaz akad tidak dihadkan dengan tempoh waktu yang tertentu seperti untuk tempoh sebulan, setahun atau sebagainya (Al-Zuhaili, 2015);
- f. Lafaz akad didengari dan difahami oleh mereka yang berakad (Baafdhah, t.t.).

ii. Calon suami

Lelaki yang merupakan calon suami disyaratkan:

- a. Beragama Islam (Al-Dusuqi, 58).
- b. Tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah.
- c. Diyakini akan jantina kelelakiannya.
- d. Penentuan terhadap dirinya adalah jelas dan dikenal pasti secara khusus oleh calon isteri.
- e. Membuat pilihan sendiri secara suka rela untuk berkahwin dan bukan secara paksaan.
- f. Mengetahui dengan yakin kedudukan calon isteri sebagai bukan mahram kepadanya (Al-Syatiri, 2020) dan tidak mempunyai halangan lain untuk berkahwin dengannya (Al-Zuhaili, 2015).
- g. Mempunyai keahlian dalam kelayakan untuk berkahwin iaitu merupakan seorang yang telah mencapai usia baligh dan berkal serta berkeahlian dalam mengendalikan urusan harta (Al-Zuhaili, 2015) sekiranya dia sendiri yang menjalankan akad.

Jika dilihat dari perspektif perundangan semasa, setiap negeri di Malaysia telah memperuntukkan had minimum umur perkahwinan bagi calon suami. Perkahwinan yang tidak mematuhi penentuan had minimum tersebut tidak dapat didaftarkan (Syh Noorul & Tengku Fatimah, 2011). Had minimum umur bagi calon lelaki adalah 18 tahun (Zanariah Noor, 2013) berdasarkan kepada Seksyen 8 Akta 303 yang memperuntukkan:

Seksyen 8. Umur minimum untuk perkahwinan

“Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun...”

iii. Calon isteri

Perempuan yang merupakan calon isteri disyaratkan:

- a. Tidak tergolong dalam kalangan mereka yang mempunyai halangan untuk berkahwin sama ada kerana ada pertalian dengan calon suami dari sudut nasab, persemendaan dan susuan.
- b. Penentuan terhadap dirinya adalah jelas dan dikenal pasti secara khusus oleh calon suami sama ada dengan cara pengenalan nama, memberitahu sifat yang tertentu atau menunjukkan kepada dirinya.

- c. Tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah (Al-Zuhaili, 2015).
- d. Diyakini jantina keperempuanannya (Al-Dusuqi, 58).

Seksyen 8. Umur minimum untuk perkahwinan

“Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.”

Berdasarkan kepada peruntukan ini, perkahwinan daripada calon suami atau isteri yang kurang daripada umur minimum dibenarkan sekiranya mendapat kebenaran daripada Hakim Syarie.

iv. Wali kepada isteri

Wali merupakan pengusaha atau orang yang berkuasa dalam urusan perkahwinan (Mohamad Som & Abdul Basir, 2009). Kewujudan dan keizinan wali akan menentukan sahnya sesuatu akad perkahwinan (Al-Hisni, t.t.).

Seorang wali disyaratkan perlu:

- a. Beragama Islam (Al-Hisni, t.t.).
- b. Menjadi wali dalam keadaan suka rela, bukan secara paksa.
- c. Merdeka.
- d. Lelaki.
- e. Mukallaf.
- f. Tidak fasiq.
- g. Tiada kekurangan dari aspek pemikiran disebabkan terlampau tua atau mempunyai masalah mental.
- h. Tidak termasuk dalam golongan yang ditahan daripada menggunakan harta kerana disebabkan kebodohan atau terlampau boros.
- i. Tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah (Al-Syatiri, 2020).
- j. v. Dua orang saksi.

Disyaratkan kepada dua orang saksi:

- i- Beragama Islam.
- ii- Baligh.
- iii- Berakal.
- iv- Lelaki.
- v- Merdeka.
- vi- Bersifat adil (Baafdhul, t.t.), memadai dengan keadaan adil pada luaran sahaja (Al-1999, 4: 23).

- vii- Matang.
- viii- Boleh melihat dan mendengar.
- ix- Memahami bahasa yang digunakan oleh dua orang yang berakad (Baafdhul, t.t.).

Isu-Isu Terpilih Dalam Bab Perkahwinan

Perwalian Nikah

Wali merupakan salah satu rukun penting dalam sesebuah perkahwinan. Tanpa wali atau keizinannya, sesebuah perkahwinan itu dianggap tidak sah/fasid dan perlulah difaraqkan. Sabda Nabi SAW:

«لَا نَكَحُ اِلَّا بُولِيٍ وَشَاهِدٍ عَدْلٍ»

Maksudnya: “Tidak sah nikah tanpa wali dan dua orang saksi yang adil”.

(Riwayat Abu Daud)

Hadis ini menunjukkan bahawa, kewujudan wali adalah wajib semasa aqad nikah dan ia merupakan salah satu rukun nikah. Apabila seorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali, perkahwinan adalah batal dan kedua-duanya wajib dipisahkan. Ini adalah pendapat majoriti fuqaha' kecuali mazhab Hanafi. Ini berdasarkan hadis daripada Aisyah RA, Rasulullah S.A.W bersabda:

«أَيُّمَا اُمْرَأَةٌ نَكَحْتُ بِعِيرٍ إِذْنٍ مَوَالِيهَا، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، ثَلَاثَ مَرَاتٍ فَإِنْ دَخَلَهَا
فَالْمَهْرُ لَهَا إِمَّا أَصَابَ مِنْهَا، فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ»

Maksudnya: “Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal.” Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali. “Apabila disetubuh oleh pasangannya, dia berhak menerima mas kahwin bagi menghalalkan farajnya. Jika berlaku perbalahan tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.”

(Riwayat Abu Daud No. 2083)

Al-Syirazi (1996) menyatakan terdapat tiga kategori wali iaitu; wali hakim, wali mujbir dan juga wali ikhtiar. Wali hakim atau wali raja adalah bagi pihak yang tidak mempunyai wali atau tidak memiliki wali sah menurut hukum syarak seperti wali enggan, wali tinggal terlalu jauh, wali akrab yang tidak dapat dikesan dan termasuklah juga bagi kes anak tak sah taraf. Manakala wali mujbir dan wali ikhtiar pula merupakan wali nasab kepada wanita yang diwalikan olehnya.

Dari segi perundangan pula, di bawah undang-undang keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyebut; sesuatu perkahwinan tidaklah diakui dan tidak boleh didaftarkan melainkan jika kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju dan sama ada wali pihak perempuan atau wali Hakim (jika Hakim

Syariah telah memberi persetujuannya sebagai wali Raja jika pengantin perempuan tidak mempunyai wali nasab atau wali nasab tidak diketahui berada di mana atau wali nasab enggan memberi persetujuannya tanpa alasan yang mencukupi.

Dalam kes *Husin lawan Saayah dan Mat Hashim* ([1991] JH Jld 7. Bhg. 2, pemohon iaitu bapa kandung kepada Saayah bt. Husin telah memohon perkahwinan antara anaknya di Thailand tanpa izin atau wakilnya dibatalkan. Hal ini kerana, menurut fakta kes, pasangan Saayah dan Mat Hashim telah mlarikan diri dan berkahwin di Thailand sedangkan Saayah adalah masih anak dara. Isu yang timbul adalah tiada bukti yang menunjukkan keizinan wali dari bapanya. Mahkamah telah memutuskan bahawa, pernikahan itu adalah tidak sah kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa keizinan wali telah diperoleh terlebih dahulu atau wali enggan memberi keizinan.

Selain itu, dalam kes *Ismail bin Abdul Majid lawan Aris Fadilah dan Insun bt Abdul Majid* (1990, Jld. V, II, JH), pengantin perempuan telah berkahwin dengan seorang pemuda pada 6hb Mei, 1974 di Kampung Kandang Hilir, Kota Lama Kanan, Perak. Wali yang bertindak kepada perempuan tersebut ialah saudara lelakinya kerana bapa perempuan itu telah meninggal dunia. Isu ini timbul apabila pengantin perempuan itu sebenarnya juga masih mempunyai datuk yang masih hidup dengan segar dan waras yang tinggal di Bt. 8, Batu Laut, Kuala Langat, Selangor. Datuk itu tidak diberitahu mengenai perkahwinan cucunya itu dan tiada wakalah wali oleh datuknya. Mahkamah Syariah, Kuala Kangsar, Perak, Yang Arif Hakim Amran bin Satar telah memutuskan perkahwinan yang diwalikan oleh wali *ab'ad* sedangkan wali *aqrab* masih ada maka perkahwinan itu tidak sah.

Sebagai kesimpulannya, wali merupakan salah satu rukun yang sangat penting dalam sesuatu perkahwinan. Ketiadaannya atau keengganan wali mengakibatkan sesuatu perkahwinan itu tidak sah dan perlu difaraqkan.

Poligami

Poligami juga merupakan salah satu isu yang paling banyak dibincangkan dalam bab-bab perkahwinan. Secara umumnya, poligami bermaksud menghimpunkan lebih dari satu orang, sama ada dua, tiga atau had maksimumnya empat orang isteri dalam satu masa. Ayat Al-Quran yang berkaitan dengan poligami:

(فَإِنْ كُحْوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتَّنِي وَثُلَّتْ وَرُبْعٌ ۖ فَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا
فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مُلْكَتْ أَيْمَانُكُمْ)

Maksudnya: “Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki”.

(Surah An-Nisa, 4:3)

Meskipun Islam secara asasnya mengharuskan poligami, namun setiap pemohon perlu mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan, terutamanya keperluan untuk berlaku adil serta tidak menyalimi hak dan kewajipan yang ditetapkan buat setiap isteri dan anak-anaknya (Mohd Shah & Meeranganani, 2021). Seksyen 23

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) telah memperuntukkan syarat-syarat untuk berpoligami hendaklah dipatuhi. Seksyen 23 menyatakan:

Seksyen 23. Poligami

(1) *Tiada seorang pun lelaki, semasa wujudnya sesuatu perkahwinan, boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat kontrak perkahwinan yang lain dengan perempuan lain atau perkahwinan yang dikontrakkan tanpa kebenaran sedemikian boleh didaftarkan di bawah Akta ini:*

Dengan syarat Mahkamah boleh jika ia ditunjukkan bahawa perkahwinan sedemikian adalah sah mengikut Hukum Syarak, memerintahkan perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada seksyen 123.

[Gan. Akta A902:s.9]

(2) *Subseksyen (1) terpakai bagi perkahwinan dalam Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar Wilayah Persekutuan dan perkahwinan di luar Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan.*

(3) *Permohonan untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan menyatakan alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada keizinan atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.*

[Pin. Akta A902:s.9]

(4) *Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam mahkamah tertutup, dan Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati—*

(a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu, memandang kepada, antara lain, hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

(b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;

(c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan

[Pin. Akta A902:s.9]

(d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan darar syarie kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

Seksyen ini menunjukkan bahawa, pihak suami hendaklah mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung semua isteri dan orang tanggungannya bahawa dia berupaya memberi layanan sama rata sesama isterinya. Pada zaman ini, banyak kes-kes yang melibatkan poligami tanpa kebenaran seperti berkahwin di luar negara kerana ingin mengelak untuk membuat permohonan perkahwinan di Malaysia. Sebagai contoh, dalam kes *Syed Othman bin Syed Abdullah dengan pasangannya Ema Malisa binti Bogi [Kes Mal bil: 01003-010-333/03]*. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan di Wilayah Songkhla, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Alasan yang diberikan oleh pihak lelaki ialah kerana isteri pertamanya tidak setuju dan prosedur permohonan poligami adalah sukar sedangkan beliau amat memerlukan zuriat, memandangkan sehingga kini beliau masih belum dikurniakan zuriat bersama isteri terdahulu. Selain itu, ini juga dapat dilihat dalam kes Samsuri bin Saar dan pasangannya Nor Rahsidah Binti Abdullah. Samsuri yang merupakan warganegara Malaysia dan Rahsidah, warganegara Indonesia telah melangsungkan perkahwinan mereka di Thailand, setelah hasrat mereka ditentang oleh isteri pertama Samsuri. Hubungan rapat antara kedua-dua pemohon mendorong mereka untuk berkahwin bagi mengelakkan sebarang perlakuan yang menyalahi syarak tanpa sebarang ikatan yang sah.

Sebagai kesimpulannya, Islam tidak melarang manusia untuk berpoligami kerana terdapat nas daripada syarak yang membenarkannya. Sungguhpun begitu, menurut perundangan Islam, mana-mana pasangan lelaki yang ingin perlulah mengikut prosedur yang sepatutnya agar perkahwinan yang dibina sah di sisi syarak dan juga undang-undang.

Faraq

Dari segi bahasa, faraq berasal daripada perkataan ‘faraqa’ yang bermaksud pemisahan atau pembubaran (Ibrahim Mustafa, 1989). Dari segi istilah, faraq bermaksud: pemisahan atau pembubaran bagi perkahwinan sama ada melalui talak atau selainnya (Wan Ismail et al., 2018). Terdapat beberapa faktor yang membolehkan Mahkamah melakukan faraq atau pemisahan kehakiman terhadap sesuatu perkahwinan. Antaranya ialah:

- i. Perkahwinan dengan sesama fitrah;

- ii. Perkahwinan dengan perempuan yang sedang menjadi istedi kepada orang lain;
- iii. Perkahwinan dengan orang bukan Islam;
- iv. Perkahwinan dengan lima orang perempuan dalam satu akad;
- v. Perkahwinan seorang perempuan dengan berwalikan tak sah taraf;
- vi. Dan lain-lain sebab yang tidak diiktirafkan oleh Syarak.

Sebagai contohnya, dalam *Norasiah binti Abdul Rahman dan Mohd Nasir bin Mohd Rosly [Kes Mal Bil. 05005-042-0046-2012]*, Norasiah binti Abdul Rahman merupakan anak tidak sah taraf dengan bapanya. Dia telah berkahwin dengan Mohd Nasir bin Mohd Rosly pada 28 Oktober 2006 dan menjadikan abangnya sebagai wali. Dalam situasi ini, Norasiah sepatutnya berwalikan dengan wali hakim kerana dia merupakan anak tak sah taraf dengan bapanya. Isu timbul apabila Norasiah binti Abdul Rahman menggunakan abangnya sebagai wali sedangkan dia merupakan anak tidak sah taraf dengan bapanya. Apabila kes tersebut dilaporkan ke Mahkamah Syariah dan Mahkamah berpuas hati dengan keterangan yang telah diberikan, maka perkahwinan Norasiah bt Abdul Rahman dan Mohd Nasir bin Mohd Rosly telah difaraqkan pada 10 Januari 2012 setelah hampir 4 tahun mereka mendirikan rumah tangga.

Selain itu, dalam kes *Rohayu bt Idris dan Abd Karim bin Hamzah [Kes Mal Bil. 05008-042-1157-2014]*, pasangan suami isteri ini telah berkahwin pada 1 Jun 2006. Rohayu telah mendakwa ibunya telah mengaku bahawa beliau telah mengandung sebelum akad nikah secara sah dibuat. Tarikh perkahwinan ibunya ialah 27 Jun 1981 dan tarikh lahir Rohayu ialah 22 Januari 1982 iaitu tidak sampai 6 bulan yang merupakan syarat sah seseorang itu boleh dinasabkan kepada bapanya. Isu timbul apabila bapanya yang tidak sah taraf dengannya menjadi wali pernikahan dan adakah sah atau tidak pernikahannya. Kes tersebut telah dibawa ke Mahkamah Syariah dan Mahkamah telah meluluskan faraq pada 27 Januari 2015 dengan idah 3 kali suci. Hal ini kerana, bapanya tidak boleh menjadi walinya kerana dia merupakan anak tak sah taraf.

Ini menunjukkan bahawa, pentingnya untuk menjaga ikatan perkahwinan dengan sebaik mungkin. Perkahwinan yang dibina seharusnya berada dalam landasan yang betul agar ikatan suci ini mencapai matlamat syariat. Jika rukun-rukun atau syarat-syarat perkahwinan tidak diikuti, sesuatu perkahwinan perlulah difaraqkan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, perkahwinan adalah salah satu ibadah yang dianjurkan dalam Islam dan ia juga merupakan satu tuntutan agama dalam meraikan fitrah manusia untuk berpasangan. Dapat difahami bahawa perkahwinan adalah akad yang boleh menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan dengan syarat mengikut syarat dan rukun yang telah ditetapkan oleh Syarak. Tujuan perkahwinan juga adalah untuk menjaga keturunan, memelihara kesucian diri, melaksanakan tuntutan syariah dan memperoleh ketenangan hidup. Pasangan yang ingin berkahwin perlulah mengikut rukun dan syarat nikah yang telah ditetapkan oleh syarak dan perundangan Islam. Hal ini kerana, jika salah satu rukun atau syarat nikah ini tidak dipatuhi atau tertinggal, sesuatu perkahwinan itu dikira sebagai perkahwinan fasid dan perlulah

difaraqkan. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi pendedahan secara jelas berkenaan konsep perkahwinan menurut *fiqh* dan perundangan Islam di Malaysia.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) di atas sokongan yang diberikan melalui projek perundingan yang bertajuk “Model Perkahwinan Merentasi Sempadan bagi Pasangan Muslim di Negeri Kelantan”, kod perundingan (PLiMJI/PR/266/2/80). Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyeleidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas kerjasama yang telah diberikan.

Rujukan

Al-Quran.

Akta Undang-undang Keluarga Islam. (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (2000). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Al-Bujayrimi, Sulayman ibn Muhammad ibn Umar. (1996). “al-Bujayrimi ala al-Khatib” dicetak bersama Muhammad ibn Ahmad al-Shirbini al-Ma’ruf bi al-Khatib al-Shirbini, *Tuhfat al-Habib ala Sharh al-Khatib*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah.

Al-Dusuqi, Muhammad. (2011). *Al-Ahwal al-Syakhsiyah fi al-Mazhab al-Syafi'i*. Qaherah: Dar al-Salam.

Al-Hisni, Taqy al-Din Abu Bakr ibn Muhammad. (t.t). *Kifayat al-Akhyar fi Hill Ghayat al-Ikhtisar*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Jaziri, Abd al-Rahman. (1999). *Kitab al-Fiqh ala Madhahib al-Arba'ah*, ed. Muhammad Bakr Ismail. Jilid 4. Qaherah: Dar al-Manar.

Al-Sarakhsyi, Shams al-Din. (1989). *Kitab al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Al-Shatiri, Ahmad Ibn Umar. (2020). *Al-Yaqut al-Nafis fi Mazhab Ibn Idris*. Jedah: Dar al-Minhaj.

Al-Shirbini, Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj*, ed. Ali Muhammad Mu’awwad dan Adil Ahmad Abd al-Mawjud. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusof al-Fairuz Abadi. (1996). *A-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam.

Al-Zuhaili, Muhammad. (2015). *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Jilid 4. Damshiq: Dar al-Qalam.

Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jilid 9. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Zurqani, Muhammad. (1959). *Sharh al-Zurqani ala Muwatta’ Imam Malik*. Qaherah: Matba’ah al-ISTiqamah.

Baafdhali, Muhammad Ibn Ahmad. (t.t). *Majmu’ fi Ahkam al-Nikah*. T.Tpt: Dar al-Turath.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. *Husin lawan Saayah dan Mat Hashim* ([1991] JH Jld 7. Bhg. 2).

Ibrahim Mustafa. (1989). *Al-Mu’jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Nadwah.

- Ismail bin Abdul Majid lawan Aris Fadilah dan Insun bt Abdul Majid (1990, Jld. V, II, JH).*
- Mohamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad. (2009). *Fikah Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Shah, N., & Meerangani, K. A. (2021). Faktor Poligami Tanpa Kebenaran: Analisis Kes Di Mahkamah Syariah Muar, Johor. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1, 1-13.
- Mustafa Abd al-Ghayy Syaibah. (2001). *Ahkam al-Usrah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Libya: Jami'ah Sabha.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2006). *Wanita dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Norasiah binti Abdul Rahman dan Mohd Nasir bin Mohd Rosly [Kes Mal Bil. 05005-042-0046-2012].*
- Rohayu bt Idris dan Abd Karim bin Hamzah [Kes Mal Bil. 05008-042-1157-2014].*
- Syed Othman bin Syed Abdullah dengan pasangannya Ema Malisa binti Bogi [Kes Mal bil: 01003-010-333/03].*
- Syh Noorul Madihah Syed Husin & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda. (2011). Konflik antara Hak Wali Mujbir di Bawah Hukum Syarak dan Peruntukan Had Umur Minimum Perkahwinan, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Keluaran Khas, 7-16.
- Wan Ismail, W. A. F., Hashim, H., Abdul Shukor, S., & Harun, A. (2018). Faraq Perkahwinan bagi Pasangan Tak Sah Taraf di Negeri Sembilan (Judicial Separation of Illegal Marriage in Negeri Sembilan). *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 13, 124-134.
- Zanariah Noor. (2013). Perkahwinan Kanak-Kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-Undang Keluarga Islam, *Jurnal Syariah*, 21(2), 165-190.